



Headline: Waspada semasa akses media sosial
Publication/Portal: Utusan Sarawak
Date: 22 March 2022

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 6

Waspada semasa akses media sosial

.....
SYAMIMI HUSNA

KUCHING: Isu-isu penipuan atau *scammer* semakin merisaukan sejak kebelakangan ini, kerana ada sahaja yang menjadi mangsa tanpa mengira latar belakang seseorang.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK), Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, antara yang menjadi mangsa termasuk mereka yang berpendidikan tinggi seperti guru, pensyarah dan bermacam lagi individu berjaya profesional.

Sehubungan itu, beliau menggesa supaya orang ramai terutama golongan wanita dan ibu tunggal sentiasa berwaspada dan berhati-hati terutama semasa mengakses laman web dan media sosial.

"Jangan sesekali mendedahkan maklumat peribadi, perbankan atau maklumat kewangan kepada orang lain yang tidak berkenaan dan jangan menerima permintaan

menjadi rakan daripada individu tidak dikenali melalui media sosial terutamanya dari luar negara," tegasnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mem-pengerusikan Mesyuarat Ahli Majlis Pembangunan Sosial (MPS) Sarawak di sini, semalam.

Fatimah turut menasihati orang ramai supaya menyemak Portal Semak Mule PDRM atau laman web <https://semakmule.rmp.gov.my/> sekiranya erasa was-was dengan nombor telefon dan nombor akaun yang diberikan suspek sebelum membuat apa-apa transaksi.

Orang ramai katanya, boleh berhubung terus dengan CCID Scam Response Center di talian 03-2610 1559 dan 03-2610 1599 atau CCID INFOLINE di talian 013-211 1222 bagi menyalurkan maklumat, aduan dan pertanyaan khususnya melibatkan jenayah komersil.

"Selain itu, semua pihak juga boleh melayari Facebook Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police



RAKAM KENANGAN... Dato Sri Fatimah Abdullah merakam kenangan bersama-sama Timbalan KPWK, Mohamad Razi Sitam, Menteri Muda KPWK, Datuk Rosey Yunus dan wakil agensi berkaitan yang terlibat selepas mesyuarat MPS semalam.

dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Sarawak untuk mendapatkan maklumat serta modus operandi terkini *scammer*," ujarnya.

Berdasarkan statistik Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Polis Sarawak, Fatimah mendedahkan sebanyak 2,816 kes direkodkan sepanjang tempoh 2021

berbanding 1,462 kes dalam tahun 2020 menyaksikan peningkatan sebanyak 92.16 peratus (1,354 kes).

Kerugian jenayah komersil di Sarawak bagi tempoh tersebut adalah sebanyak RM72.7 juta bagi tahun 2021 berbanding RM65.6 juta dalam tahun 2020. Ini adalah peningkatan sebanyak 10.8 per-

atus (RM7.1 juta), katanya.

"Usaha berterusan JSJK Sarawak bagi membendung jenayah komersil di Sarawak telah menghasilkan sebanyak 688 tangkapan sepanjang tahun 2021 berbanding 672 tangkapan pada tahun 2020. Ini melibatkan seramai 553 orang telah dituduh di mahkamah," ujarnya.